



## KENYATAAN UMUM AMNESTY INTERNATIONAL

4 Julai 2024 AKTA 50/82482024

# MALAYSIA: SETAHUN SEJAK PEMANSUHAN HUKUMAN MATI MANDATORI, PELANGGARAN UNDANG-UNDANG DAN STANDARD ANTARABANGSA BERTERUSAN MESKIPUN HUKUMAN MATI MENURUN SECARA KESELURUHAN

Pada tahun pertama sejak hukuman mati di Malaysia tertakluk sepenuhnya pada budi bicara kehakiman, Amnesty International merekodkan penurunan ketara dalam bilangan hukuman mati yang dijatuhkan dan dikenakan oleh mahkamah, yang secara positif membawa kepada pengurangan lebih daripada satu pertiga daripada jumlah orang yang dihukum mati. Bagaimanapun, menurut maklumat yang dinilai oleh organisasi itu, Malaysia yang menggunakan hukuman mati dan hukuman alternatifnya di bawah undang-undang yang dipinda, masih berterusan melanggar undang-undang dan standard hak asasi manusia antarabangsa.

Walaupun kerajaan menyatakan di hadapan Parlimen pada bulan Mac 2024 bahawa tiada keputusan dasar dibuat untuk menarik balik moratorium hukuman mati, masih belum ada sebarang pengesahan bahawa kerajaan akan melanjutkan polisinya sehingga hukuman mati dimansuhkan sepenuhnya. Oleh itu, sebagai langkah kritikal seterusnya, Amnesty International memperbaharui gesaannya kepada Kerajaan dan Ahli Parlimen untuk melanjutkan moratorium rasmi hukuman mati selama-lamanya sehingga hukuman mati dimansuhkan sepenuhnya dan semua hukuman mati diringankan; dan dengan segera memulakan pindaan perundangan untuk mereformasi Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk menghapuskan hukuman mati bagi pengedaran dadah dan anggapan bersalah berkanun yang boleh dijadikan sandaran oleh kerajaan untuk mencapai sabitan.

Amnesty International menentang hukuman mati tanpa syarat atau pengecualian, untuk semua kes dan dalam apa jua keadaan, sebagai pencabulan hak untuk hidup dan sebagai hukuman paling kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah.

## SETAHUN BERMELALU, PENURUNAN KETARA PENGGUNAAN HUKUMAN MATI DIREKODKAN

Tarikh 4 Julai ini menandakan satu tahun sejak Pemansuhan Akta Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846) berkuat kuasa, memansuhkan hukuman mati mandatori dan memperkenalkan hukuman dengan kuasa budi bicara kehakiman bagi semua kesalahan yang terpakai.<sup>1</sup> Di bawah undang-undang yang dipinda, defendan yang disabitkan oleh Mahkamah Tinggi atas kesalahan besar mempunyai kemungkinan dijatuhi hukuman mati atau dikenakan hukuman alternatif iaitu penjara antara 30 dan 40 tahun dan sebat;<sup>2</sup> atau hukuman mati mereka yang sedia ada disemak sebagai sebahagian daripada rayuan biasa mereka di hadapan Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan.

Di samping itu, Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) Akta 2023 (Akta 847), yang berkuat kuasa pada 12 September 2023, memberikan bidang kuasa khas kepada Mahkamah Persekutuan untuk menjatuhkan hukuman ke atas 906 orang di bawah hukuman mati yang telah ketandusan prosiding kehakiman biasa<sup>3</sup> mereka. Menurut angka yang dikongsi di Parlimen setakat bulan November,

<sup>1</sup> Akta 846 juga memansuhkan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat.

<sup>2</sup> Di bawah seksyen 289 Kanun Tatacara Jenayah, lelaki berumur 50 tahun ke atas dan wanita dikecualikan daripada hukuman sebat.

<sup>3</sup> Seramai 116 orang lagi layak memohon kerana mereka telah dijatuhan hukuman penjara seumur hidup dan telah pun ketandusan prosiding kehakiman

angka 906 itu termasuk 877 (96.80%) orang yang menunggu keputusan daripada Lembaga Pengampunan Negeri; dan 29 (atau 3%) orang yang mempunyai pengesahan akhir hukuman mati mandatori mereka pada masa itu daripada pihak Lembaga.<sup>4</sup> Seramai 369 orang lagi telah dijatuhkan hukuman mati mandatori dan hukuman mereka masih boleh disemak semula sebagai sebahagian daripada rayuan biasa mereka di hadapan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.<sup>5</sup>

Untuk menyediakan kenyataan ini, Amnesty International meminta angka rasmi bagi memaklumkan penilaianya daripada pendaftar mahkamah, beberapa anggota Kabinet Malaysia dan Pesuruhjaya Penjara. Pada masa penerbitan, Amnesty International menerima maklumat rasmi daripada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan untuk keputusan kehakiman berkaitan kes hukuman mati yang diambil di Mahkamah-Mahkamah Tinggi di Semenanjung Malaysia dan Mahkamah Rayuan. Bagi Sabah dan Sarawak, ia hanya menerima maklumat daripada Pendaftar Mahkamah Tinggi bagi tahun 2023. Selain itu, Amnesty International telah menilai maklumat yang tersedia secara terbuka mengenai keputusan yang diambil sejak 4 Julai 2023 oleh Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan (bidang kuasa biasa dan sementara) Malaysia, seperti yang dilaporkan di laman web badan kehakiman dan dalam media nasional, serta oleh pegawai kerajaan di Parlimen<sup>6</sup>. Wakil pertubuhan Amnesty International juga memerhatikan perbicaraan pembelaan semula di hadapan Mahkamah Persekutuan di bawah bidang kuasa sementaranya dalam 18 kes hukuman mati pada 16 November dan 6 Disember 2023; dan mengumpul maklumat daripada peguam dan pihak berkepentingan lain.

Walaupun terdapat gesaan berulang kali daripada beberapa badan PBB yang menggesa negara-negara untuk kerap menerbitkan maklumat mengenai penggunaan hukuman mati, angka rasmi di Malaysia tidak tersedia secara terbuka kecuali pendedahan separa dan sekali-sekala daripada Kerajaan kepada Parlimen sebagai jawapan kepada soalan bertulis atau lisan.<sup>7</sup> Amnesty International memperbaharui gesaannya kepada pihak berkuasa Malaysia untuk membuat maklumat mengenai penggunaan hukuman mati di negara ini tersedia secara terbuka.

Sejak 4 Julai 2023, Amnesty International merekodkan maklumat mengenai 274 individu yang disabitkan dengan jenayah yang boleh dihukum mati melalui proses kehakiman biasa. Dalam 45 kes (16%), **hukuman mati** telah dikenakan atau dikekalkan manakala, dalam 229 kes yang luar biasa (84%), **hukuman alternatif** kepada hukuman mati telah diperintahkan di Mahkamah Tinggi atau melalui peringanan atas rayuan melalui proses<sup>8</sup> biasa mahkamah.

Hukuman mati telah dikenakan dalam **18% kes yang direkodkan di hadapan Mahkamah Tinggi, manakala peratusan ini masing-masing berkurangan sedikit kepada 12% dan 17% di hadapan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan (bidang kuasa biasa)**. Secara ketara, majoriti kes di mana hukuman mati telah dikenakan atau dikekalkan dalam proses biasa adalah untuk jenayah pembunuhan – **23 daripada 45 kes (51%)**.

Berkenaan dengan bidang kuasa khas yang diberikan kepada Mahkamah Persekutuan untuk penghukuman semula mereka yang dihukum mati yang telah ketandusan rayuan undang-undang biasa mereka, Datuk Seri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), berkongsi di Parlimen bahawa setakat 31 Mei 2024 Mahkamah Persekutuan telah mengekalkan hukuman mati dalam 19 daripada 474 permohonan semakan yang telah diputuskannya.<sup>9</sup> Seperti yang dinyatakan oleh Menteri, semua hukuman mati ini adalah berkaitan dengan pembunuhan yang melibatkan lebih daripada seorang mangsa atau di mana mangsa masih kanak-kanak.

---

biasa mereka. Angka yang disertakan dalam jawapan lisan kepada Parlimen, Mesyuarat ketiga, Penggal kedua Parlimen Kelima Belas, 7 November 2023, Soalan no.11.

<sup>4</sup> Parlimen Malaysia, Jawapan bertulis kepada Parlimen, Mesyuarat ketiga, Penggal kedua Parlimen Kelima Belas, November 2023, Soalan no.50.

<sup>5</sup> Parlimen Malaysia, Jawapan lisan kepada Parlimen, Mesyuarat ketiga, Penggal kedua Parlimen Kelima Belas, 7 November 2023, Soalan no.11.

<sup>6</sup> Oleh kerana tarikh alasan bertulis selalunya berbeza daripada tarikh keputusan kehakiman diambil, Amnesty International telah membuat penentuan dalam setiap kes berdasarkan maklumat yang ada untuk memastikan hukuman itu berlaku selepas penguatkuasaan pindaan perundungan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori pada 4 Julai 2023. Untuk bilangan penghakiman terhad yang tidak dapat dipastikan tarikh hukuman, Amnesty International memutuskan untuk mengecualikan mereka yang mempunyai alasan bertulis bertarikh antara 4 Julai dan 4 Oktober 2023. Empat keputusan kehakiman dengan tarikh hukuman yang tidak ditentukan dan alasan bertulis bertarikh antara 5 Oktober 2023 dan 4 Januari 2024 telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada penilaian ini.

<sup>7</sup> Resolusi Majlis Hak Asasi Manusia PBB, 54/35, 13 Oktober 2023, para. 9.

<sup>8</sup> Peringanan ialah proses di mana hukuman mati ditukar dengan hukuman yang lebih ringan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, oleh badan kehakiman semasa rayuan.

<sup>9</sup> Di bawah Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Seumur Hidup (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) Akta 2023 (Akta 847). Parlimen Malaysia, Jawapan lisan kepada Parlimen, Mesyuarat kedua, Penggal ketiga Parlimen Kelima Belas, 24 Jun 2024, Soalan no.75.

# HUKUMAN MATI BERKAITAN DADAH DAN LAIN-LAIN PELANGGARAN UNDANG-UNDANG DAN STANDARD ANTARABANGSA

Berikut semakan maklumat yang tersedia mengenai keputusan kehakiman dalam kes-kes berat sejak 4 Julai 2023, Amnesty International mendapati bahawa pelanggaran undang-undang dan standard hak asasi manusia antarabangsa terus dilakukan pelbagai peringkat prosiding.

## KESALAHAN BERKAITAN DADAH

Pada tahun 2023, Malaysia adalah salah satu daripada hanya 11 negara yang diketahui telah menjatuhkan hukuman mati untuk **kesalahan berkaitan dadah**.<sup>10</sup> Undang-undang hak asasi manusia antarabangsa memperuntukkan bahawa, di negara-negara di mana hukuman mati masih belum dimansuhkan, pengenaannya mesti dihadkan kepada "jenayah yang paling serius".<sup>11</sup> Jawatankuasa Hak Asasi Manusia PBB telah menyatakan bahawa "jenayah yang tidak mengakibatkan kematian secara langsung dan sengaja, seperti [...] dadah dan kesalahan seksual, walaupun secara serius, tidak boleh menjadi asas, dalam rangka artikel 6, untuk pengenaan hukuman mati".<sup>12</sup>

Walaupun kuasa budi bicara dalam penghukuman telah menggalakkan pengurangan hukuman mati, ia tetap **membimbangkan bahawa 49% daripada semua kes yang direkodkan** di mana hukuman mati telah dikenakan atau dikekalkan (22 daripada 45) sejak 4 Julai 2023 adalah untuk kesalahan berkaitan dadah. Secara ketara, majoriti hukuman mati yang direkodkan berkaitan dadah (13) telah dikenakan oleh Mahkamah Tinggi. Maklumat rasmi yang dikemukakan kepada Parlimen menunjukkan bahawa, setakat 14 Februari 2024, 705 daripada 1,078 orang yang dihukum mati (65.4%) telah disabitkan kesalahan mengedar dadah.<sup>13</sup>

Selain itu, mahkamah terus mensabitkan individu dengan anggapan bersalah yang melanggar hak untuk dianggap tidak bersalah dan dengan itu menyebabkan perbicaraan tidak adil. Anggapan berkanun ini, apabila digunakan, membenarkan pihak pendakwaan membuat kesimpulan bersalah secara automatik apabila dadah ditemui pada objek atau premis yang dimiliki oleh defendant atau di bawah tanggungjawab defendant; atau bahawa defendant mempunyai pengetahuan tentang dadah tersebut apabila didapati memiliki; atau bahawa defendant berhasrat untuk mengedar dadah apabila amaan dalam milikannya melebihi jumlah minimum berkanun. Apabila anggapan berkanun ini digunakan, beban pembuktian dialihkan kepada defendant untuk disangkal kepada standard undang-undang yang lebih tinggi iaitu "pada imbalan kebarangkalian", dengan kesan menurunkan ambang bukti yang diperlukan untuk menjamin sabitan dalam kes-kes jenayah berat.

## HUKUMAN SEBAT YANG KEJAM SEBAGAI HUKUMAN ALTERNATIF

Hukuman dera merupakan layanan atau hukuman yang kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah, dan dilarang di bawah undang-undang antarabangsa.<sup>14</sup> Jawatankuasa Menentang Penyeksaan, Jawatankuasa Hak Asasi Manusia dan mekanisme hak asasi manusia yang lain telah menyatakan bahawa undang-undang domestik yang memperuntukkan hukuman dera kehakiman adalah tidak serasi dengan larangan mutlak penyeksaan dan layanan buruk lain dan telah menggesa pemansuhan hukuman dera kehakiman.<sup>15</sup>

Di bawah pindaan perundangan 2023, bagaimanapun, sebatan dikekalkan atau diperkenalkan untuk beberapa kesalahan sebagai hukuman alternatif mandatori kepada hukuman mati bagi lelaki di bawah umur 50 tahun, berserta hukuman penjara 30 hingga 40 tahun. Amnesty International mendapati 142 **lelaki daripada 274 orang (52%)** yang direkodkan telah terlepas daripada hukuman mati melalui proses kehakiman biasa sebaliknya dijatuhkan hukuman penjara dan **sebatan mandatori**. Kebanyakan lelaki ini telah dijatuhkan hukuman 12 kali sebatan. Mereka yang selebihnya – wanita atau lelaki berumur 50 tahun ke atas – menerima hukuman penjara. Berdasarkan maklumat yang ada, Amnesty

<sup>10</sup> Amnesty International, *Death sentences and executions in 2023 (ACT 50/7952/2024)*, May 2024, ms.14, amnesty.org/en/documents/act50/7952/2024/en/

<sup>11</sup> Perkara 6(2) Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik; UN Safeguards menjamin perlindungan hak mereka yang menghadapi hukuman mati, resolusi Majlis Ekonomi dan Sosial PBB 1984/50.

<sup>12</sup> Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, ulasan umum No. 36 (2018) mengenai artikel 6 Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik, mengenai hak untuk hidup, UN Doc. CCPR/C/GC/36, para.35.

<sup>13</sup> Parlimen Malaysia, Mesyuarat pertama, Penggal ketiga Parlimen Kelima Belas, 26 Februari hingga 27 Mac 2024, soalan bertulis no.557.

<sup>14</sup> Jawatankuasa Menentang Penyeksaan, Pemerhatian Penutup CAT: Arab Saudi, UN Doc. CAT/C/CR/28/5 (2002), para.4.

<sup>15</sup> Jawatankuasa Hak Asasi Manusia PBB, Osbourne Iwn Jamaika, UN Doc. CCPR/C/68/D/759/1997 (2000), para.3.3; Higginson Iwn Jamaika, UN Doc. CCPR/C/74/D/792/1998 (2002), para. 4.6; Sooklal Iwn Trinidad dan Tobago, UN Doc. CCPR/C/73/D/928/2000 (2001), para. 4.6; Errol Pryce Iwn Jamaika, UN Doc. CCPR/C/80/D/793/1998 (2004), para. 6.2; Jawatankuasa PBB Menentang Penyeksaan, Kesimpulan Pemerhatian CAT: Arab Saudi, UN Doc. CAT/C/CR/28/5 (2002), para.4.

International merekodkan 43 lagi kes di mana Mahkamah Persekutuan menjatuhkan hukuman sebat ketika ia menyemak kes di bawah bidang kuasa sementaranya.

## KEBIMBANGAN MENGENAI AKSES KEPADA KHIDMAT PERUNDANGAN

Standard antarabangsa untuk perbicaraan yang adil memberi jaminan kepada semua orang yang ditangkap atau ditahan atas pertuduhan jenayah, hak untuk mendapatkan peguam yang cekap dan berkesan dari permulaan penyiasatan jenayah dan sebaik sahaja mereka dilucutkan kebebasan mereka.<sup>16</sup> Ini penting untuk melindungi hak mereka yang dituduh melakukan jenayah, termasuk hak untuk menyediakan pembelaan mereka, dan berfungsi sebagai perlindungan penting terhadap penyeksaan dan layanan buruk lain, "pengakuan" paksaan atau kenyataan lain yang menuduh diri sendiri.<sup>17</sup>

Dalam tempoh yang dipertimbangkan, Amnesty International mengumpulkan laporan media yang berkaitan dengan 101 orang – termasuk warganegara Malaysia dan warga asing – yang hadir di hadapan mahkamah majistret untuk didakwa atas jenayah berat. Daripada jumlah ini, **46 orang (46%) dilaporkan sebagai diwakili, dan 46 individu yang ketara (46%) tidak diwakili** (maklumat ini tidak disahkan untuk sembilan orang lain), walaupun skim bantuan guaman sedia ada diwujudkan di seluruh Malaysia untuk menyediakan peguam bela kepada defendant daripada latar belakang sosio-ekonomi yang kurang berkemampuan yang tidak berupaya membayar untuk peguam pilihan mereka sendiri.

## CADANGAN-CADANGAN

Pengurangan ketara dalam penggunaan hukuman mati, seperti yang didokumentkan pada tahun pertama sejak penghukuman dengan kuasa budi bicara berkuat kuasa pada 4 Julai 2023, adalah satu langkah positif tetapi ia bukan penamat perjalanan Malaysia ke arah pemansuhan penuh hukuman mati. Kepincangan sistemik dalam sistem keadilan jenayah negara dan peruntukan dalam undang-undangnya yang bertentangan dengan sekatan terhadap penggunaan hukuman mati dan norma lain undang-undang antarabangsa perlu ditangani segera.

**Sementara menunggu pemansuhan penuh hukuman mati, Amnesty International menyeru kerajaan Malaysia untuk:**

- Melanjutkan moratorium rasmi pelaksanaan hukuman mati yang ditubuhkan pada 2018 dengan serta-merta dan pastikan polisi ini dipatuhi sehingga hukuman mati dimansuhkan sepenuhnya dan semua hukuman mati diringankan.
- Memperkenalkan dengan segera pindaan perundangan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk membawanya selaras dengan undang-undang dan standard hak asasi manusia antarabangsa, termasuk dengan memansuhkan hukuman mati bagi kesalahan berkaitan dadah dan anggapan bersalah berkanun. Sementara menunggu ini, pihak pendakwaan mesti segera menamatkan tuntutan terhadap hukuman mati sebagai hukuman, terutamanya bagi kesalahan berkaitan dadah.
- Mengenakan moratorium ke atas pelaksanaan sebat dengan serta-merta, dan segera memperkenalkan pindaan perundangan untuk menghapuskan hukuman ini bagi semua kesalahan.
- Meratifikasi Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain yang Kejam, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah.
- Pastikan dengan segera bahawa standard antarabangsa untuk perbicaraan yang adil dipenuhi sepenuhnya di semua peringkat prosiding, dari saat penangkapan dan apabila defendant pertama kali menghadapi tuduhan jenayah sehinggalah ke rayuan dan prosedur rekursa lain.
- Terbitkan maklumat tentang penggunaan hukuman mati di negara ini secara kerap, diasingkan sekurang-kurangnya mengikut tarikh, lokasi, jantina, umur, kewarganegaraan dan status defendant lain, jenayah dan status permohonan kehakiman dan pengampunan.

<sup>16</sup> Lihat Amnesty International, Manual Perbicaraan Adil, Bab 3. Jawatankuasa Hak Asasi Manusia PBB telah menyatakan bahawa "bantuan peguam harus dipastikan, melalui bantuan undang-undang sekiranya perlu, serta-merta semasa penangkapan dan sepanjang semua prosiding berikutnya untuk orang yang dituduh melakukan jenayah berat, khususnya dalam kes-kes kesalahan yang membawa hukuman mati". Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, Kesimpulan pemerhatian Jawatankuasa Hak Asasi Manusia: Trinidad dan Tobago, UN Doc. CCPR/CO/70/TTO, para. 7.

<sup>17</sup> Prinsip 1 Prinsip Asas PBB mengenai Peranan Peguam, yang diterima pakai oleh Kongres PBB Kelapan Mengenai Pencegahan Jenayah dan Layanan Terhadap Pesalah, Havana, Cuba, 27 Ogos hingga 7 September 1990.

- Menegaskan komitmennya untuk menamatkan hukuman mati dengan mengundi memihak kepada resolusi Perhimpunan Agung PBB ke-10 mengenai moratorium penggunaan hukuman mati, yang akan dipertimbangkan pada sesi ke-79 pada akhir 2024.

	JUMLAH DEFENDAN YANG DISABITKAN atas tuduhan jenayah berat	JUMLAH HUKUMAN MATI DIKENAKAN/DIKEKALKAN ATAS RAYUAN	JUMLAH HUKUMAN TIDAK MELIBATKAN HUKUMAN MATI (TERMASUK PERINGANAN ATAS RAYUAN)	
			Jumlah keseluruhan hukuman pemerjaraan sepanjang hayat dan, jika berkenaan, sebat	Jumlah keseluruhan hukuman yang melibatkan sebat
MAHKAMA H TINGGI <sup>18</sup>	181	<p><b>33, 18% daripada jumlah yang direkodkan (termasuk 18, atau 55% untuk pengedaran dadah)</b></p> <p>Untuk Semenanjung Malaysia, 19 hukuman mati baru (angka rasmi). Daripada ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-8 telah dikenakan untuk pembunuhan (termasuk satu wanita dan tiga lelaki warga asing);</li> <li>-11 telah dikenakan untuk pengedaran dadah (termasuk ke atas seorang wanita dan tiga lelaki warga asing).</li> </ul> <p>Untuk Sabah dan Sarawak:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>14 hukuman mati baru (angka separa rasmi). Daripada ini:</li> <li>-7 telah dikenakan untuk pembunuhan (termasuk di atas seorang wanita)</li> <li>-7 telah dikenakan untuk pengedaran dadah.</li> </ul>	<p><b>148 (82% daripada jumlah yang direkodkan).</b></p> <p>Untuk Semenanjung Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>138 hukuman bukan hukuman mati dikenakan. Daripada ini:</li> <li>-33 hukuman dikenakan untuk pembunuhan (Termasuk dua wanita, seorang warga asing dan seorang warga Malaysia; sembilan lelaki, termasuk lima warga asing);</li> <li>-105 hukuman telah dikenakan untuk pengedaran dadah (termasuk lapan wanita, termasuk tiga warga asing; dan lapan lelaki, semuanya warga asing).</li> </ul> <p>Untuk Sabah dan Sarawak:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>10 hukuman bukan hukuman mati dikenakan (angka separa rasmi). Daripada ini:</li> <li>-6 hukuman dikenakan untuk pembunuhan (termasuk tiga lelaki warga asing);</li> </ul>	<p><b>116 secara keseluruhan</b></p> <p>Untuk Semenanjung Malaysia, 108 (angka rasmi)</p> <p>Untuk Sabah dan Sarawak, 8 (angka separa rasmi).</p>

18 Penilaian ini adalah berdasarkan angka rasmi yang diterima untuk Semenanjung Malaysia oleh Amnesty International pada 1 Julai 2024. Bagi Sabah dan Sarawak, angka rasmi diterima untuk 2023 sahaja; dan Amnesty International mengumpul maklumat yang tersedia, termasuk daripada media, untuk melengkapkan maklumat untuk 2024.

			-4 hukuman telah dikenakan untuk pengedaran dadah (termasuk ke atas tiga lelaki warga asing).	
MAHKAMA H RAYUAN <sup>19</sup>	75 (angka rasmi)	9, atau 12% daripada jumlah yang direkodkan (angka rasmi). Daripada ini:  -5 telah dikekalkan untuk pembunuhan;  -4 telah dikekalkan untuk pengedaran dadah.	66 atau 88% daripada jumlah yang direkodkan (angka rasmi). Daripada ini:  -34 adalah untuk pembunuhan (termasuk ke atas empat wanita dan dua lelaki asing);  -25 adalah untuk pengedaran dadah.  -1 adalah untuk penculikan;  -3 adalah untuk pembunuhan dan penculikan;  -3 adalah untuk kesalahan berkaitan senjata api.	15 (angka rasmi)
MAHKAMA H PERSEKUTUAN (RAYUAN BIASA) <sup>20</sup>	18 (seperti yang direkodkan oleh Amnesty International)	3 (17% daripada jumlah yang direkodkan) telah dikekalkan, untuk pembunuhan.  (seperti yang direkodkan oleh Amnesty International)	15 (83% daripada jumlah yang direkodkan). Daripada ini:  -14 adalah untuk pembunuhan (termasuk tiga lelaki warga asing);  -1 adalah untuk pengedaran dadah.  (seperti yang direkodkan oleh Amnesty International)	11 (seperti yang direkodkan oleh Amnesty International)
MAHKAMA H PERSEKUTUAN (BIDANG KUASA PENGHAKIMAN SEMULA	474 (angka rasmi)	19 (4%), semua untuk pembunuhan (angka rasmi)	455 (96%)	43 (seperti yang direkodkan oleh Amnesty International)

19 Angka rasmi diberikan pada 1 Julai 2024. Amnesty merekodkan enam lagi hukuman mati yang dikekalkan sejak 4 Julai, berdasarkan laporan-laporan media. Enam hukuman mati ini tidak dikira dalam jumlah yang dipaparkan dalam jadual

20 Angka berdasarkan pengumpulan maklumat oleh Amnesty International, termasuk dari laporan-laporan media.

SEMENTAR A) <sup>21</sup>				
------------------------------	--	--	--	--

---

<sup>21</sup> Di bawah Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) Akta 2023 (Akta 847). Ini adalah angka rasmi yang dikongsi di Parlimen pada 24 Jun 2024. Parlimen Malaysia, Jawapan lisan kepada Parlimen, Mesyuarat kedua, Penggal ketiga Parlimen Kelima Belas, 24 Jun 2024, Soalan no.75.